



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**27 APRIL 2021 (SELASA)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**27 APRIL 2021 (SELASA)**

# Celik hak pengguna, waspada penipuan pembelian dalam talian

**Amirah Madibah Adnan**

Calon Sarjana  
di Universiti Kebangsaan  
Malaysia (UKM)

**Kadar** jenayah dalam talian dilaporkan semakin berleluasa, terutama selepas penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan wabak COVID-19.

Tinjauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan peningkatan

dalam penggunaan internet, termasuklah dalam sektor perniagaan dengan kemunculan peniaga baharu ibarat cendawan tumbuh selepas hujan.

Majoriti pengguna beralih kepada alternatif lebih selamat berbanding pembelian secara konvensional bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

Perkara ini membawa kepada kunjungan trafik tinggi terhadap platform pembelian dalam talian. Angka kes penipuan pada 2020 turut mengalami kenaikan tertinggi berbanding tahun sebelumnya.

Situasi ini mendesak pihak berwajib merencanakan pelbagai strategi bagi menangani isu penipuan.

Terkini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam proses merangka pengeluaran lesen khusus bagi peniaga dalam talian.

Langkah bijak supaya peniaga yang memperoleh lesen ini dilihat memiliki kredibiliti. Kepercayaan pengguna dapat diraih kerana semestinya peniaga perlu menjalani proses saringan untuk memiliki lesen. Tujuan asal lesen untuk mengelak risiko penipuan pembelian dalam talian.

Bagaimanapun, kelicikan menjadikan penipuan berlaku menerusi perkara tidak dijangka. Pasti ada beberapa kes terlepas, walaupun seketat mana penguatkuasaan dilakukan.

Kawalan dilakukan pihak berwajib juga semakin sukar hari ini, terutama apabila berhadapan penyelesaian pertikaian pengguna yang membeli barang dari negara luar. Akta Perlindungan Pengguna 1999 juga mengandungi beberapa kelemahan dalam melindungi pengguna.

Meskipun banyak penambahbaikan diutara-

kan, ia tidak dapat dilaksanakan dengan segera kerana peruntukan undang-undang memerlukan masa lama untuk dipinda.

Realitinya, beberapa faktor menyebabkan pengguna kerap tertipu. Antaranya mudah terpengaruh dengan tawaran harga murah, tergesa-gesa melakukan pembelian, tidak menyemak latar belakang peniaga serta tidak tahu mengenali hak dimiliki pengguna.

Peniaga boleh memalsukan identiti dan menjual barangan yang sama sekali tidak wujud di pasaran. Kaedah pengiklanan juga sering membuatkan pengguna tertipu, terutama apabila perihai yang dinyatakan tidak selari barang diperolehi.

Kewujudan pihak ketiga yang berperanan memastikan keselamatan dan ketelusan urusan niaga antara pengguna dan peniaga, tidak menjamin pembelian dalam talian selamat.

Wujud aduan oleh pengguna mengenai helah

pihak penyedia platform, terutama ketika promosi tawaran jualan besar-besaran.

Antaranya berkenaan paparan harga yang berubah selepas bermulanya waktu jualan promosi. Pengguna mengadu tidak dapat membuat pembelian dengan harga promosi kerana item dipaparkan kembali kepada harga asal.

Ia boleh dianggap menipu sekiranya pihak peniaga memang bertujuan memperdaya pengguna melalui pengiklanan promosi jualan.

Lebih mengejutkan, taktik promosi seperti ini dilakukan syarikat perniagaan yang diiktiraf sebagai 'gedung rasmi' oleh penyedia platform.

Perlu diingat, peluang melakukan jenayah semakin berleluasa berbanding 10 tahun lalu. Kemudahan teknologi disalah guna menyebabkan ramal pengguna menjadi mangsa, sehingga menyebabkan angka kerugian akibat penipuan pembelian dalam talian mencecah jutaan ringgit.

Hasil kerugian besar ini sepatutnya boleh digunakan bagi tujuan pembangunan negara dalam pelbagai aspek.

Justeru, pengguna dinasihat peka dengan tanda amaran yang membawa kepada penipuan, antaranya seperti peniaga menyembunyikan identiti diri dan tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat atau menutup ruangan komen di laman jualan.

Pengguna juga disaran merujuk panduan menjalankan transaksi dikeluarkan KPDNHEP (2020).

Secara ringkas, pengguna memiliki lapan hak yang boleh dituntut, iaitu hak terhadap keperluan asas, keselamatan, maklumat, pilihan, ganti rugi, pendidikan pengguna, alam sekitar yang sihat dan selamat serta hak untuk bersuara.

Setiap lapisan masyarakat perlulah dididik dengan hak pengguna termasuklah kanak-kanak dan remaja di bangku persekolahan. Hak pengguna perlulah dipertahankan supaya setiap pembelian membawa pulangan kepada ekonomi negara.

Kesimpulannya, semua pihak perlu memberi perhatian untuk memastikan penipuan pembelian dalam talian dapat dielak.





**HARGA** ayam dan daging sentiasa naik ketika bulan puasa dan menjelang Hari Raya Aidilfitri. -  
**GAMBAR HIASAN/NOOR HASLIZA NUSI**

## Fenomena asal raya, harga daging, ayam naik

### SAUDARA PENGARANG.

**BUKAN** perkara asing apabila harga bagi makanan basah seperti daging dan ayam meningkat lebih-lebih lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Itu berlaku pada setiap tahun, tidak kiralah ketika zaman Barisan Nasional (BN) mentadbir negara, Pakatan Harapan (PH) mahupun Perikatan Nasional (PN). Ia tetap dan masih berlaku, sedangkan pelbagai kementerian diwujudkan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Tidakkah kementerian berkaitan yang menjaga dan mengawal harga di pasaran membuat kajian mengenai berapa banyak jumlah keperluan setiap tahun menjelang Hari Raya Aidilfitri?

Contohnya, berapa jumlah daging diperlukan setiap tahun menjelang perayaan itu.

Tugas tersebut katakanlah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta KPDNHEP, jadi kedua-dua kementerian tersebut perlu menyediakan kertas kerja.

Kertas kerja itu juga perlu meliputi

jumlah keperluan daging lembu dalam negara bagi membolehkan pengiraan dibuat agar bekalan daging mencukupi. Langkah ini membolehkan ladang ternakan lembu ditambah di negara ini.

Sekiranya penternak tidak berkemampuan menyediakan keperluan itu, maka kerajaan boleh membawa masuk daging lembu dan kerbau dari luar negara.

Namun, perlu ada perjanjian antara kerajaan dan negara pembekal agar bekalan dihantar sekurang-kurangnya enam bulan sebelum perayaan.

Sementara itu, kenaikan harga ayam berpunca daripada sikap pemborong yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntungan berlipat ganda di bulan Ramadan sehingga ke Hari Raya Aidilfitri nanti.

Kerajaan harus menambah lagi pengeluaran permit import bagi membawa masuk ayam-daripada luar negara, terutama dari Thailand kerana negara itu paling dekat dengan Malaysia.

**OMAR LOLO**  
Kuala Lumpur



 Senarai Harga Barang Kebutuhan	• Ayam	<b>RM5.99</b>	• Telur Gred A	<b>RM10.20</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>	• Cili Merah	<b>RM6.50</b>
	• Daging Lembu Tempatan	<b>RM33.99</b>	• Ikan Kembung	<b>RM8.90</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM1.99</b>	• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2.50</b>
	• Daging Lembu Import	<b>RM19.99</b>	• Minyak Masak	<b>RM5.30</b>	• Bawang Putih	<b>RM4.99</b>	• Tepung Gandum	<b>RM2.19</b>
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>								



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI KPDNHEP)**

---

**27 APRIL 2021 (SELASA)**

# Lindungi perniagaan usahawanan PKS

Peniaga disarankan daftar produk di MyIPO bagi elak ia ditiru pihak lain

KUALA LUMPUR

Setiap perniagaan tercetus daripada sebuah idea dan realitinya, kebanyakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk di Malaysia sentiasa mencari peluang perniagaan baharu serta berusaha untuk menembusi pasaran yang lebih luas.

Sehubungan itu, Hari Harta Intelek Sedunia adalah antara platform terbaik untuk usahawan mengetahui lebih lanjut bagaimana satu-satu idea itu boleh ditukar menjadi harta intelek atau Intellectual Property (IP), selain memahami peranan penting yang dimainkan IP dalam mendorong inovasi dan kreativiti sesebuah perniagaan.

IP adalah hasil ciptaan minda sama ada dalam bentuk reka cipta, simbol, nama dan reka bentuk yang digunakan dalam perdagangan, karya sastera dan seni, manakala, hak IP pula pemilikan seseorang usahawan ke atas IP tersebut.

Tema sambutan, 'Harta Intelek & Keusahawanan: Dari Idea ke Pasaran' di harap dapat mendorong usahawan PKS untuk mendaftar produk mereka sebagai IP, kerana IP yang didaftarkan boleh dijadikan aset terpenting yang mampu mendorong perkembangan ekosistem dunia perniagaan, pemuliharaan ekonomi serta kemajuan insan.

Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Datuk Mohamad Alamir berkata, perniagaan PKS me-

rangkumi sekitar 90 peratus perniagaan di seluruh dunia dan menggunakan sekitar 50 peratus tenaga kerja global serta mampu menjana hingga 40 peratus pendapatan nasional sesebuah negara.

Namun ironinya, tambah beliau, masih ramai usahawan PKS khususnya di Malaysia tidak menyedari bahawa mereka boleh menggunakan IP dan segala haknya untuk membina perniagaan yang lebih kuat, terutamanya bagi mendepani cabaran pandemik Covid-19 yang menjejaskan teruk ekonomi dunia.

## Komponen

Menurut Mohamad, IP mengandungi enam komponen iaitu paten, cap dagangan, reka bentuk, penunjuk geografi, hak cipta dan reka bentuk susun atur litar bersepadu.

Menjelaskan satu persatu komponen berkenaan, beliau berkata, paten adalah hak eksklusif yang diberikan kepada suatu rekacipta sama ada produk atau proses untuk menghasilkan cara baharu bagi membuat sesuatu ataupun untuk penyelesaian teknikal terhadap sesuatu masalah.

Cap dagangan pula, kata beliau, adalah tanda yang terdiri daripada nama, tandatangan, perkataan, huruf, angka atau apa-apa gabungannya yang boleh membezakan sesuatu barangan atau perkhidmatan antara satu perniagaan dengan perniagaan yang lain.

"Reka bentuk perindustrian ialah rupa bentuk luaran secara keseluruhan sesuatu barang atau produk yang menarik dipandang. Contoh, reka bentuk unik atau corak pada baju, tudung, juga bentuk botol serta pembungkusan, manakala penunjuk geografi adalah tanda yang digunakan ke atas sesuatu produk



Usahawan PKS disarankan mendaftar dengan MyIPO bagi memastikan hak dan keaslian produk mampu terus bertahan di pasaran dan tidak mudah ditiru.

kerana produk tersebut mempunyai kualiti dan reputasi yang boleh dikaitkan dengan kawasan berkenaan.

"Hak cipta ialah satu hak eksklusif yang diberikan untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Contoh karya ialah seperti buku, lirik lagu, filem, rakaman lagu, lukisan dan lain-lain lagi.

"Reka bentuk susun atur litar bersepadu adalah suatu susunan tiga dimensi unsur sesuatu litar bersepadu yang mengandungi sebahagian atau semua unsur hubungan litar bersepadu atau keseluruhan susunan tiga dimensi disediakan untuk tujuan persediaan bagi proses perkilangan," jelasnya.

Beliau menambah, setiap komponen IP ditadbir akta tersendiri seperti Akta Cap Dagangan 2019, Akta Paten 1983 serta Akta Hakcipta 1987, yang mana ia diselia pihak MyIPO.

Mohamad turut menegaskan, sesuatu produk yang dihasilkan perlu didaftarkan di MyIPO bagi melindungi ia daripada ditiru oleh pihak lain.

"Mendaftar di MyIPO bagi mendapatkan hak eksklusif terhadap produk ciptaan turut membuktikan seseorang pencipta itu benar-benar serius untuk menjana pendapatan daripada hasil ciptaannya," katanya.

Namun begitu, isu yang terus membelenggu dunia perniagaan PKS ialah tahap kesedaran yang masih rendah di samping kurang ilmu pengetahuan tentang kelebihan pendaftaran IP dalam kalangan pengusaha yang menjadi salah satu faktor utama mengapa mereka tidak mendaftarkan IP mereka.

"Usahawan PKS masih menganggap bahawa perlindungan IP hanyalah suatu pilihan dan kurang menitikberatkan soal perlindungan inovasi atas faktor ia 'tidak wajib'.

"Mereka tidak sedar IP mereka terdedah kepada risiko diciplak, lebih malang lagi pihak yang menciplak itu men-

daftar pula ia sebagai IP mereka," katanya.

## Pelan perniagaan

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Rizal Nainy memberitahu, adalah penting untuk usahawan menitikberatkan pelan perniagaan jangka pendek dan juga pelan jangka panjang.

Beliau menjelaskan, ia bagi memastikan hak serta keaslian produk atau perkhidmatan mereka mampu terus bertahan di pasaran dan tidak mudah ditiru.

Menurut Rizal, pihaknya masih meneruskan aktiviti memberi kesedaran berkenaan IP melalui pelbagai saluran supaya usahawan mengetahui hak mereka, di samping menggalakkan golongan usahawan mendaftarkan IP.

Beliau menambah, antara usaha SME Corp Malaysia untuk terus meningkatkan kesedaran PKS mengenai IP adalah menerusi sesi bual bicara 'Soal Usahawan', bahasan di media sosial, taklimat serta khidmat nasihat perniagaan yang disediakan Kaunselor Perniagaan SME Corp Malaysia.

"Bantuan kewangan yang disediakan juga turut meliputi skop pensijilan dan pendaftaran IP melalui program seperti Business Accelerator Programme (BAP), Program Peningkatan Keupayaan PKS Bumiputera (BEEP), Program Inovasi Inklusif, Program Galakan Ekspor Bumiputera hinggalah kepada program permulaan perniagaan seperti Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang membolehkan usahawan memohon geran.

"Selain itu, portal [smeinfo.com.my](http://smeinfo.com.my) yang dikendalikan SME Corp Malaysia juga mengandungi maklumat berkenaan IP. Ini sebahagian daripada peranan kami sebagai Agensi Penyelaras Pusat PKS dalam menyalurkan maklumat mengenai program pembangunan PKS, termasuk inisiatif yang melibatkan pendaftaran IP," katanya. - Bernama



MOHAMAD



RIZAL

